



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA MELANTIK ANGGOTA SURUHANJAYA BARU BAGI MAVCOM

Dengan sukacitanya saya mengumumkan bahawa YBhg. Dato Ir. Alice Jawan Empaling dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) yang terbaharu bagi tempoh 3 tahun, berkuat kuasa dari 28 Mac 2023 hingga 27 Mac 2026.

YBhg. Dato Ir. Alice Jawan Empaling ialah Setiausaha Tetap semasa Kementerian Pengangkutan Sarawak sejak 1 Oktober 2022.

Beliau turut memegang beberapa jawatan Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah di negeri Sarawak termasuk memainkan peranan sebagai Pengerusi Lembaga Boya dan Api Sarawak, Pengerusi Eksekutif Majlis Keselamatan Jalan Raya Sarawak dan Timbalan Pengerusi Lembaga Sungai-sungai Sarawak.

Selain pada itu, YBhg. Dato Ir. Alice Jawan Empaling merupakan Profesor Adjung di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sejak 2021.

Pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia dan MAVCOM amat berbesar hati mengalu-alukan pelantikan YBhg. Dato Ir. Alice Jawan Empaling kepada MAVCOM. Kepakaran, pengalaman luas dan semangat dalam perkhidmatan beliau kepada rakyat akan memainkan peranan penting untuk memacu industri penerbangan Malaysia ke hadapan seiring dengan usaha bagi membangunkan.

industri penerbangan awam yang berdaya maju dari segi komersial serta responsif kepada keperluan rakyat.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri atas pengesahan dan sokongan yang diberi mengenai pelantikan YBhg. Dato Ir. Alice sebagai Anggota Suruhanjaya MAVCOM.

Kedua-dua pihak MOT dan MAVCOM menantikan penglibatan beliau dan yakin bahawa pelbagai manfaat akan diraih daripada pandangan serta pengetahuan beliau.

**LOKE SIEW FOOK**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**11 APRIL 2023**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media:**

**Lu Wei Hoong**  
**Press Secretary to Transport Minister**  
E-mail [lwh@mot.gov.my](mailto:lwh@mot.gov.my)

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

